

PENANGKAPAN ANGGOTA NSF DI BAWAH ISA

Latihan dan kehidupan berjalan seperti biasa

*Chee Hean:
Dasar tugas
anggota SAF tak
akan berubah*

DASAR penugasan anggota Angkatan Bersenjata Singapura (SAF) tidak akan berubah, kata Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pertahanan, Encik Teo Chee Hean.

Beliau berkata demikian semasa menjawab soalan media sama ada insiden penahanan anggota perkhidmatan negara sepe-nuh masa (NSF), Muhammad Fadil Abdul Hamid, di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) selama dua tahun mulai April lalu akan menimbulkan

persoalan tentang kedudukan Melayu dalam SAF.

Ditanya sekiranya insiden penahanan itu mengejutkannya, Encik Teo berkata dari masa ke masa, kemunculan seseorang yang merupakan ancaman keselamatan adalah perkara yang tidak mustahil.

Beliau selanjutnya berkata Singapura merupakan sebuah masyarakat berbilang bangsa dan agama dan SAF merupakan mikrokosma masyarakat Singapura itu.

"Kami mempunyai proses yang kami laksanakan, satu sistem keselamatan yang merupakan sebahagian daripada sistem nasional secara keseluruhan, yang mampu mengenal pasti ancaman seperti itu dan kami pastikan kami mampu meredakan ancaman tersebut.

"Dari masa ke masa, tidak mustahil seseorang yang merupakan ancaman kepada keselamatan akan timbul," katanya.

Menurut beliau, insiden itu melibatkan seorang NSF yang sedang menjalani latihan di sebuah sekolah ketua seksyen.

Encik Teo berkata demikian semasa menjawab soalan media di satu majlis penyampaian biasiswa di Orchard Hotel kelmarin, sehari selepas Kementerian Ehwal Dalam Negeri (MHA) mendedahkan penahanan Muhammad Fadil, 20 tahun, sejak 4 April lalu.

Dua lagi, Muhammad Anwar Jailani, 44 tahun, dan Muhammad Thahir Shaik Dawood, 27 tahun, pula diletakkan di bawah Perintah Sekatan (RO) bagi jangka masa dua tahun bermula 23 Jun lalu.

Ketiga-tiga mereka didapati terjerumus ke dalam ideologi fahaman radikal setelah terpengaruh dengan laman-laman radikal di Internet dan menonton video serta mendengar audio ceramah yang disampaikan ketua pengganas kelahiran Amerika Syarikat, Anwar al-Awlaki.

Encik Teo turut memberi jaminan bahawa kementerianannya akan mempertingkatkan tahap berjaga-jaga menyusuli insiden tersebut dan akan bekerjasama dengan agensi keselamatan lain.

"Kami pastikan kami akan mempertingkatkan tahap berjaga-jaga untuk mengenal pasti sebarang ancaman keselamatan. Tetapi kami akan tetap meneruskan latihan. Kehidupan akan berjalan seperti biasa di unit-unit kami dan kami tidak menjangkakan sebarang perubahan," kata Encik Teo.